

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN ZAIRIL KHIR JOHARI
[BUKIT BENDERA]
TARIKH : 27.3.2018 (SELASA)
SOALAN :

Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sama ada buku teks *Super Minds* dan *Pulse 2* telah diperoleh melalui tender terbuka pada tahun 2017 dan jika tidak, mengapa. Adakah tender terbuka akan dijalankan untuk buku teks Bahasa Inggeris baru.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berormat, buku teks *Super Minds 1* dan *Pulse 2* telah dikenal pasti oleh panel yang dilantik oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Oleh kerana penerbit asal telah melantik pengedar tunggal (*sole distributor*) bagi menerbit dan mengedar buku tersebut, maka kaedah perolehan yang sesuai dilaksanakan adalah secara rundingan terus. Bagi perolehan buku teks Bahasa Inggeris tahun 2018, KPM telah melaksanakan prosedur perolehan secara tender terbuka.